

'Setiap isi rumah akan dapat empat penutup mulut'

Malaysiakini

08 April 2020

Sebanyak 24.62 juta penutup mulut dan hidung kini dalam proses pengedaran kepada setiap rakyat secara percuma di seluruh negara, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Ismail Sabri Yaakob.

Beliau, yang juga Menteri Pertahanan berkata, sebanyak empat keping penutup muka akan diagihkan kepada setiap isi rumah.

Beliau berkata tugas pengedaran akan diselia Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) kepada Majlis Keselamatan Negeri, sebelum diedar ke daerah-daerah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.

"Dari sini ia akan diagih rumah ke rumah oleh petugas barisan hadapan di daerah.

"Untuk Sabah, Sarawak dan Labuan, ia akan dihantar melalui penerbangan khas Tentera Udara Diraja Malaysia pada Jumaat ini, selepas itu akan diagih ke

peringkat daerah dan seterusnya ke rumah-rumah,” katanya pada sidang media hariannya di Putrajaya, hari ini.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/519501>